

**Najib Mahu Warga Felda Kuasai Ilmu Dan Teknologi Dalam Fasa  
Pembangunannya  
Bernama  
Ogos 14, 2011**

**KOTA TINGGI:** Warga Felda perlu menguasai ilmu dan teknologi di dalam fasa pembangunannya bagi memastikan ia berkemampuan menangani cabaran-cabaran pada masa kini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Ahad.

Beliau berkata kegagalan menguasai ilmu dan teknologi boleh menyebabkan Felda mengalami nasib yang sama sebagaimana yang menimpa kerajaan Kesultanan Melayu Melaka 500 tahun dahulu apabila ia dijajah oleh kuasa asing.

"Esok pada 15 Ogos, genaplah 500 tahun kerajaan Kesultanan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis. Kita perlu menjadikan peristiwa itu sebagai iktibar,"katanya ketika berucap pada majlis Rahmat Ramadan di Felda Ayer Tawar 2, di sini.

Katanya kejatuhan Melaka ke tangan penjajah Portugis pada tahun 1511 disebabkan dua faktor iaitu ketidaksetiaan serta kegagalan kesultanan dalam menguasai ilmu dan teknologi peperangan moden ketika itu.

Perdana Menteri berkata Melaka masih menggunakan persenjataan seperti tombak dan keris dalam usahanya untuk memerangi kekuatan bala tentera Portugis yang menggunakan meriam dan persenjataan terkini pada waktu itu. - **BERNAMA**

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/8/14/mstar\\_berita/20110814213330&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/8/14/mstar_berita/20110814213330&sec=mstar_berita)